

Sementara itu, Prof Richard berkata jalinan kerjasama ini perlu dimulakan dengan sesuatu program yang boleh menjadi asas perkongsian dan ini perlu dibincangkan dengan teliti oleh sebuah Jawatankuasa untuk merangka aktiviti tersebut secara bersama.

Katanya, terdapat ramai juga alumni Universiti itu dari Malaysia yang kini berjaya dalam pelbagai bidang yang diceburi dan ada antaranya kini mengetuai pelbagai organisasi ternama termasuk Naib Canselor UUM sendiri yang merupakan alumni Universiti itu.

Katanya lagi, Malaysia juga bukanlah asing baginya dan beliau telah menganggap Malaysia sebagai rumah kedua kerana UoL mempunyai pejabat cawangannya di negara ini.

"Saya juga kerap berkunjung ke Malaysia serta yakin UUM dan UoL mempunyai potensi yang sangat baik untuk jalinan kerjasama ini," katanya.

Sebelum itu, delegasi UUM juga telah mengadakan perbincangan yang dipengerusikan oleh Prof. Duncan Mc Cargo, Professor of Southeast Asian Politics. Turut serta dalam perbincangan tersebut ialah Prof Jorn Dosch , Head of Department East Asian Studies. dan sebahagian Professor Jabatan tersebut antaranya Prof. Christopher M. Dent, Professor in East Asia's International Political Economy .

Lawatan kerja di University of Leeds ini merupakan sebahagian program Delegasi UUM ke United Kingdom yang diketuai oleh Dr. Mohamed Mustafa.

Sebelum ini, delegasi UUM telah mengadakan pertemuan dengan Profesor Dr Rajesh Chandy, Professor Tony and Maureen Wheeler Chair in Entrepreneurship, London Business School dan mengadakan pertemuan dengan staf UUM yang sedang belajar di United Kingdom serta menganjurkan Seminar Bersama dengan Malaysia Post Graduate Association dan University of Manchester di kampus University of Manchester.

Turut serta dalam Delegasi UUM ke United Kingdom ini ialah, Dekan OYA COB, Prof Dr Noor Azizi Ismail dan DekanAwang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences dan Prof Madya Dr Abdul Malek Abd Karim.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my